

Headline	Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh berpotensi tarik pelancong		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	12 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	1139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,696
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 20,088



Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh berpotensi tarik pelancong

STESEN Penyelidikan Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Pasoh atau SPF Pasoh dekat Jelebu dikenal pasti sebagai produk pelancongan terbaharu di Negeri Sembilan.

Pengarah Tourism Malaysia Negeri Sembilan Zaidi Kassim berkata ini kerana stesen penyelidikan ini mempunyai potensi yang baik untuk menggetarkan ekopelancongan di Negeri Sembilan.

Beliau berkata seperti juga FRIM di Kepong, Selangor, Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh juga mempunyai potensi dibangunkan sebagai destinasi pelancongan berkonsepkan 'educational tour'.

"Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan di stesen penyelidikan ini, selain aktiviti yang diatur seperti taliang gantung, jungle trekking, memerhati burung, berkhemah dan sebagainya, saya percaya ia akan dapat menarik kedatangan orang ramai ke sini," katanya kepada

Bernama selepas melawat stesen penyelidikan itu di Jelebu, baru-baru ini.


Turut hadir ialah penyejarah stesen penyelidikan itu, Dr Serafina Christine Fletcher, yang berasal dari Sabah.

Zaidi berkata usaha untuk menjadikan stesen penyelidikan ini sebagai produk pelancongan perlu mendapat sokongan semua pihak terutama Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan FRIM.

"Saya juga difahamkan stesen ini turut dikunjungi para penyelidik dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kajian dan penyelidikan. Kami di Tourism Malaysia amat berbesar hati untuk mempromosikan tempat ini sebagai produk pelancongan," katanya.

Sementara itu, Christine berkata SPF Pasoh ditubuhkan pada 1971 yang merupakan usaha penyelidikan antara FRIM, Universiti Malaya dan University of Aberdeen, United Kingdom.

Katanya sejak itu, SPF Pasoh menjadi stesen



TINJAU: Christine (tengah) memberi penerangan kepada Zaidi (kanan) ketika mereka meninjau dari menara setinggi 30 meter untuk penyelidikan keadaan cuaca di SPF Pasoh dekat Jelebu baru-baru ini. — Gambar Bernama



PENGINAPAN: Kemudahan seperti tempat penginapan turut disediakan di SPF Pasoh. — Gambar Bernama

adalah kepelbagaian flora (pokok), mahupun fauna (haiwan). Kawasan kajian kami seluas 50 hektar sahaja di mana 25 peratus daripada semua spesies pokok boleh didapati di kawasan hutan ini termasuk haiwan liar seperti beruang matahari, kuching hutan, monyet dan unggka serta pelbagai jenis burung," katanya.


Beliau berkata stesen penyelidikan itu turut menawarkan beberapa kemudahan untuk rekreasi dan pendidikan berkaitan ekologi, antaranya denai alam berpandu sejauh dua kilometer, arboretum seluas 2.2 hektar dan menara titian gantung dengan ketinggian 30 meter. — Bernama



DENAI: Salah satu denai yang disediakan di SPF Pasoh. — Gambar Bernama

dan daripada jumlah itu, seluas 1,840 hektar telah diwartakan sebagai hutan penyelidikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Kami menguruskan penyelidikan berkaitan dengan ekologi hutan. "Tarikan untuk mengadakan penyelidikan di sini



TINGGI: Menara yang digunakan untuk membuat penyelidikan keadaan cuaca. — Gambar Bernama



PROMOSI: Christine (kiri) memberi penerangan kepada Zaidi mengenai SPF Pasoh. — Gambar Bernama